



## **PANDUAN DAN PERATURAN PERTANDINGAN NATIONAL SCIENCE CHALLENGES (NSC) 2023**

### **1.0 LATAR BELAKANG**

*National Science Challenge* (NSC) merupakan pertandingan sains peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) sejak 1999, untuk memupuk minat para pelajar di seluruh Malaysia menceburi dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM).

Pertandingan NSC adalah khusus bagi pelajar sekolah menengah dan telah berkembang menjadi salah satu pertandingan sains terunggul di Malaysia yang memberi cabaran tahap tinggi dalam pelbagai mata pelajaran STEM. Selain itu, NSC juga memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan bimbingan secara langsung daripada saintis muda dari *Young Scientists Network-ASM* (YSN-ASM) dan menimba ilmu yang mungkin tidak boleh diperolehi dalam kurikulum sekolah.

### **2.0 OBJEKTIF**

Objektif utama pertandingan NSC adalah:

- Membangunkan dan memupuk pemikiran, penaaakulan, penyelidikan, kerjasama dan kemahiran kreatif dalam kalangan pelajar sekolah melalui penglibatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM).
- Memupuk minat para pelajar untuk menceburi kerjaya STEM ke arah memenuhi keperluan negara.
- Memberi peluang kepada pelajar untuk mempamerkan pengetahuan dan kemahiran saintifik mereka.

### **3.0 TEMA NSC 2023**

**“Menjamin Sekuriti Makanan Negara melalui Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)”**

#### 4.0 FORMAT PERTANDINGAN

Peringkat Pertandingan	Tarikh	Perincian
Pendaftaran	1 April – 31 Mei 2023	Pendaftaran pertandingan secara atas talian di laman sesawang <a href="http://www.nsc.my">www.nsc.my</a>
Awal	12 – 20 Jun 2023	Kuiz individu dijalankan secara atas talian di <a href="http://www.nsc.my">www.nsc.my</a> mengikut zon yang dimaklumkan. Kuiz ini dijalankan dalam dwibahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu).
Negeri	28 Jun – 28 Julai 2023	80 pasukan terbaik dengan markah tertinggi dari pusingan awal akan bertanding di peringkat ini
Separuh Akhir	4 – 23 Ogos 2023	20 pasukan terbaik dari peringkat negeri akan bertanding di peringkat ini.
Akhir	13 September 2023	5 pasukan terbaik akan bertanding untuk memenangi Piala pusingan YAB Perdana Menteri.

#### 5.0 PERINGKAT AWAL (KUIZ DALAM TALIAN)

##### A. FORMAT SOALAN

- i. Kuiz ini terdiri daripada 60 soalan yang disusun secara rawak dan akan merangkumi topik Biologi, Kimia, Fizik, Matematik dan Sains Am.
- ii. Daripada 60 soalan tersebut, 50 adalah Soalan Aneka Pilihan (MCQ) dan 10 adalah Soalan Isi Tempat Kosong (FITBQ).
- iii. Semua peserta hanya diberikan masa satu (1) jam untuk menjawab kesemua 60 soalan.
- iv. Semua soalan aras mudah adalah berdasarkan silibus Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4, manakala soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah berdasarkan silibus Tingkatan 3 dan Tingkatan 4.

##### B. PROSEDUR PERTANDINGAN

- i. Sebelum kuiz dijalankan:
  - a. Guru mentor hendaklah memberikan **ID individu dan kata laluan** kepada setiap peserta (disediakan dalam bahagian *Manage Teams* di portal Guru Mentor). Maklumat ini dinasihatkan untuk **dikongsi secara peribadi**, untuk mengelakkan peserta log masuk ke akaun yang lain.
- ii. Selepas kuiz dijalankan:
  - a. Semua peserta harus log masuk ke laman web NSC ([www.nsc.my](http://www.nsc.my)) menggunakan ID individu dan kata laluan untuk menjawab kuiz.

- b. Kuiz Dalam Talian boleh diambil di tempat yang bersesuaian dengan capaian Internet mengikut masa yang telah ditetapkan dari **7 pagi hingga 7 petang** pada hari yang diperuntukkan mengikut pembahagian zon.
- c. Ia adalah dinasihatkan bagi semua peserta supaya tidak menjawab soalan pada saat akhir bagi mengelakkan sebarang ralat sistem dalam tempoh tersebut.
- d. Semua peserta perlu menjawab kuiz secara individu.
- iii. Berikut merupakan kriteria pemilihan pasukan pemenang:
  - a. Markah keseluruhan dari setiap peserta dikira secara kumulatif dalam satu pasukan.
  - b. Tempoh masa semasa menjawab kuiz akan diambil kira sekiranya terdapat dua pasukan yang mempunyai markah keseluruhan yang sama.
- iv. **80 pasukan** akan dipilih dari **13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan (lima pasukan bagi setiap negeri/wilayah pesekutuan)** untuk bertanding di Peringkat Negeri.
- v. Negeri dan Wilayah Persekutuan yang dinyatakan adalah Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan, dan W.P. Putrajaya.
- vi. Semua peserta akan diberikan sijil penyertaan. Sijil tersebut boleh dimuat turun di [www.nsc.my](http://www.nsc.my) selepas tamat Peringkat Awal.

### C. GARIS MASA KUIZ & AGIHAN ZON

- i. Peringkat Awal NSC akan diadakan pada 12 hingga 20 Jun 2023, dijalankan atas talian mengikut agihan zon seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Peringkat	Perincian		Tarikh
Awal (Kuiz atas talian – dibuka dari jam 7 pagi hingga 7 petang)	Zon A	Sarawak & Pulau Pinang	<b>12 Jun 2023</b> (Isnin)
	Zon B	Selangor	<b>13 Jun 2023</b> (Selasa)
	Zon C	Pahang & Kedah	<b>14 Jun 2023</b> (Rabu)
	Zon D	Johor	<b>15 Jun 2023</b> (Khamis)
	Zon E	Perak, Perlis, W.P. Putrajaya & W.P. Labuan	<b>16 Jun 2023</b> (Jumaat)
	Zon F	Terengganu & Kelantan	<b>18 Jun 2023</b> (Ahad)
	Zon G	Sabah & Melaka	<b>19 Jun 2023</b> (Isnin)
	Zon H	Negeri Sembilan & W.P. Kuala Lumpur	<b>20 Jun 2023</b> (Selasa)

- ii. Sesi percubaan akan diadakan pada **7, 8 dan 9 Jun 2023** untuk para peserta menyesuaikan diri dengan platform kuiz.
- iii. Sesi percubaan ini dijalankan untuk memastikan bahawa sebarang pengubahsuaian yang diperlukan dibuat sebelum pertandingan bermula. Oleh itu, Guru Mentor digalakkan untuk memaklumkan kepada pihak penganjur sebarang isu yang dihadapi semasa sesi tersebut.
- iv. Bagi perhatian guru mentor, sesi percubaan ini adalah **TIDAK WAJIB**.

## 6.0 SOALAN LAZIM (FAQ)

**Q : Mengapakah pelajar saya tidak dapat log masuk ke platform kuiz?**

A : Guru mentor dan pelajar perlu memastikan ID individu dan kata laluan yang tepat digunakan semasa log masuk ke platform kuiz. Maklumat log masuk bagi setiap peserta boleh didapati di bawah bahagian *Manage Teams* di portal Guru Mentor.

**Q : Bolehkah kuiz NSC dijawab menggunakan telefon bimbit?**

A : Peserta bebas menggunakan sebarang alat elektronik seperti komputer riba, telefon bimbit atau tablet untuk menjawab soalan kuiz. Namun begitu, sila ambil perhatian bahawa peranti elektronik mudah alih mestilah berada dalam **mod LANDSKAP** untuk memastikan soalan dapat dilihat sepenuhnya.

Sila pastikan juga bahawa peranti elektronik yang digunakan mempunyai sambungan internet yang stabil untuk mengelakkan masalah sambungan semasa menjawab soalan.

**Q : Terdapat ralat dalam soalan. Apa patut saya buat?**

A : Guru Mentor boleh memaklumkan kepada pihak penganjur secara terus melalui saluran Telegram yang berdasarkan zon, untuk memaklumkan kesilapan yang ditemui. Setelah perubahan telah dibuat, pelajar boleh memuat semula skrin untuk melihat soalan yang telah dikemas kini.

**Q : Apakah yang perlu saya lakukan jika peserta lain telah log masuk ke ID saya dan menjawab kuiz?**

A : Sijil penyertaan akan dijana oleh sistem kuiz secara automatik berdasarkan ID yang digunakan semasa log masuk. Oleh itu, adalah penting bahawa hanya guru mentor dan peserta tersebut mengetahui ID individu dan kata laluan mereka untuk log masuk.

- Q : Disebabkan kesuntukan masa, pelajar tidak dapat menekan butang 'submit'. Adakah ini bermakna jawapan yang diserahkan kini tidak sah?**
- A : Sistem merekodkan kemajuan selepas setiap soalan dijawab, justeru jawapan yang dipilih masih dianggap sah.
- Q : Bolehkah pelajar log keluar separuh jalan semasa menjawab kuiz disebabkan masalah capaian Internet?**
- A : Ya, kemajuan pelajar dan masa kuiz akan dihentikan sekiranya terdapat isu akses Internet berlaku, menyebabkan pelajar dilog keluar. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja pelajar log masuk, sistem akan menyambung semula dari tempat pelajar berhenti.

## 7.0 BUTIRAN HUBUNGAN

Sekiranya memerlukan maklumat lanjut atau sebarang penjelasan mengenai NSC, sila hubungi kami melalui e-mel rasmi ([nsc@akademisains.gov.my](mailto:nsc@akademisains.gov.my)) atau dengan menghubungi Pegawai ASM berikut:

- i. Nurul Hamizah Md Yusof (Tel: 03-6203 0633 ext 143)
- ii. Adlin Sofea Alauddin (Tel: 03-6203 0633 ext 131)

Sila ikuti juga halaman media sosial kami seperti di bawah dan laman web rasmi NSC ([www.nsc.my](http://www.nsc.my)) untuk maklumat terkini.

Facebook : National Science Challenge Malaysia  
Twitter : @nsc\_my  
Instagram : @nsc\_malaysia  
YouTube : @Akademisainsmalaysia

*Nota: Arahan dan garis panduan bagi setiap peringkat tertakluk kepada perubahan. Sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada semua peserta dan guru mentor melalui emel rasmi, saluran Telegram dan media sosial NSC. Sila layari laman sesawang [www.nsc.my](http://www.nsc.my) untuk maklumat lanjut.*

- TAMAT -